

Tanggung kuda sehingga 30 kilometer setiap hari

# Saya sihat: Mahathir

BH 28 JAN 2000  
Daripada Aziz Othman

yo

LONDON, Khamis — “Saya sihat... saya menunggang kuda kadang kala sehingga 30 kilometer setiap hari,” kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kesihatannya sepanjang dua minggu bercuti di Argentina dan kepulauan Carribean.

Sambil menyifatkan khabar angin mengenai kesihatan, malah kematiannya, sebagai pembohongan yang lazim dilakukan pembangkang, Perdana Menteri berkata beliau baru saja menghabiskan masa menyeronokkan di Argentina.

Dr Mahathir menegaskan, beliau tidak sakit sepanjang dua minggu lalu dan yang jatuh ketika menunggang kuda di Argentina ialah seorang anggota keselamatan yang mengiringinya kerana tidak pernah mencuba kegiatan itu.

“Saya menunggang kuda kadang kala sehingga 30 kilometer setiap hari, malah juga berjaya menyeberangi sebatang sungai. Ini sesuatu yang tidak mampu dibuat oleh ramai orang.

“Ketika menghabiskan minggu kedua percutian dengan menaiki kapal pesiaran di Kepulauan Carribean, saya juga sihat,” katanya setiba dari Grenada di kepulauan Caribbean, di sini hari ini.

Agensi berita asing sebelum ini melaporkan ketika bercuti di sebuah ladang di pinggir Buenos Aires di Argentina, Dr Mahathir terjatuh dari kuda dan cedera.

Khabar angin mengenai kesihatan beliau tersebar di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) semalam menyebabkan

kan harga saham menjunam.

Perdana Menteri yang akan meneruskan percutiannya selama lima hari lagi di sini, tiba bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan anaknya, Maizura.

Pesawat yang membawa Dr Mahathir dan keluarga mendarat di Lapangan Terbang Luton, 60 kilometer dari sini pada jam 6.30 pagi. Ketibaannya disambut oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Britain, Datuk Mohd Amir Jaafar.

Sejurus tiba, Perdana Menteri dan keluarga dibawa ke rumah penginapan di Hyde Park Gate untuk berehat dan menikmati sarapan pagi bersama ketua-ketua jabatan dan agensi Malaysia di sini.

Selepas itu, Dr Mahathir terus menemui pemberita dan memulakan temubualnya dengan berkata, beliau sihat dan gembira ketika bercuti walaupun mendapat tahu beliau dilaporkan terjatuh ketika menunggang kuda di Argentina.

Perdana Menteri menjelaskan, beliau tidak banyak berhubung dengan Kuala Lumpur kerana ketiadaan kemudahan.

Bagaimanapun, sesekali beliau mendapat maklumat perkembangan di tanah air menerusi sistem telegram akhbar (Prestel) serta menghubungi beberapa pihak di Malaysia apabila berkesempatan.

Sepanjang sidang akhbar itu, Dr Mahathir kelihatan ceria menjawab pelbagai

LIHAT MUKA 2

## Pembangkang ada jabatan khas guna Internet

DARI MUKA 1

BH 28 JAN 2000

soalan pemberita. Kulitnya juga kelihatan sedikit gelap kerana banyak berjemur ketika bercuti di Kepulauan Carribean.

Dengan nada lebih serius, Perdana Menteri berkata, fitnah kononnya beliau jatuh kuda dan tidak sihat itu sebenarnya sudah biasa diluinya termasuk ketika berada di dalam negara.

“Selain itu, mereka yang menabur fitnah itu juga akan terus berbuat begitu. Sekali pun jika saya sendiri mengatakan saya sihat, mereka tetap akan kata saya sakit,” katanya.

Dr Mahathir berkata, penyebaran fitnah itu sentiasa berharap supaya beliau sakit, parti (kerajaan yang memerintah) sakit, pasaran saham sakit dan keadaan di dalam negara sakit.

“Mereka tidak pernah mempunyai sebarang niat yang baik, malah sentiasa saya mempunyai motif jahat kepada negara. Mereka mahu pasaran saham jatuh

kerana mahu tunjukkan kononnya ekonomi kita tidak baik, pemulihan ekonomi kita gagal atau menakutkan pelabur kerana semua itu tidak baik,” katanya.

Beliau percaya mereka yang mendalangi fitnah itu bukan seorang tetapi ramai dan sudah tentu pembangkang satu daripadanya.

Menurutnya, beliau juga tahu pembangkang mempunyai satu ‘jabatan’ khas yang menggunakan Internet sebagai saluran untuk menipu dan memfitnah, tidak kira sama ada sesuatu itu benar atau salah.

Perdana Menteri berkata, penyebaran fitnah dan khabar angin juga tidak mengira sama ada beliau berada di dalam negara atau ketika bercuti di luar negara seperti sekarang.

“Kalau di dalam negara pun, macam-macam fitnah dibuat oleh pembangkang, kononnya saya sakit, tidak bekerja atau tidak bersetuju dengan orang itu dan orang ini.

“Jika dulu, pembangkang seperti Pas sering membuat fitnah sebegini, kini ia ditambah pula dengan parti Keadilan. Pas dan Keadilan ini sebenarnya tidak lebih daripada kaki bohong,” katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, kerajaan tidak akan menyekat kebebasan Internet kerana berpendapat lama kelamaan mereka yang menyalahgunakan teknologi itu akan menerima padah perbuatan sendiri.

Sementara itu, ketika mengulas hasrat pembangkang untuk menubuhkan akhbar baru, Dr Mahathir berkata ia perlu diteliti terlebih dulu bagi mengelak media dijadikan saluran menyebarkan fitnah dan penipuan.

“Kita sebenarnya tidak antisurat khabar tetapi anti-penipuan yang dibuat menerusi surat khabar. Lihat sahaja *Harakah*, banyak laporan tidak betul dibuat olehnya,” katanya.